

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]

TARIKH JAWAPAN : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN

Tuan Su Keong Siong minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan **status** rancangan Tenaga Nasional Berhad untuk melaksanakan Insfrastruktur Pemeteran Canggih (AMI) di seluruh Malaysia. Berapa **kos** yang diperuntukkan dan **jumlah meter** yang akan terlibat

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melaksanakan projek perintis *Advanced Metering infrastructure* atau AMI, dengan izin, yang melibatkan pemasangan sebanyak 1,000 buah meter di Melaka dan Putrajaya. Projek ini dibiayai oleh Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dengan kos RM9 juta dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga. Projek perintis yang bertujuan untuk mengkaji keberkesanan beberapa jenis teknologi yang diguna pakai dalam AMI, telahpun disiapkan pada awal bulan Februari 2016.

2. Pada masa ini, pihak TNB sedang giat merancang untuk memperluaskan pelaksanaan projek AMI ini ke seluruh negara secara berperingkat. Fasa pertama projek AMI ini melibatkan pemasangan sebanyak 300,000 unit meter pintar lengkap dengan *Advanced Metering Infrastructure (AMI)* di Melaka dan akan diikuti oleh negeri-negeri lain di Semenanjung.

3. Memandangkan proses pengapungan tender untuk perolehan bagi sebahagian komponen AMI sedang dijalankan, keseluruhan kos yang terlibat akan hanya diketahui selepas proses tender selesai.
